

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan dari orang bukan warganegara (stateless persons) di Sarawak untuk mendapatkan kelulusan sebagai warganegara yang masih dibicarakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Ingin dijelaskan bahawa istilah **stateless** tidak boleh disalah ertikan dengan istilah **Bukan Warganegara**, yang merujuk kepada individu yang tidak bertaraf sebagai warganegara Malaysia. Lazimnya individu Bukan Warganegara ini mempunyai hak atau tuntutan terhadap kewarganegaraan sesebuah negara lain, namun mereka memilih untuk tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan negara tersebut.

Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2015 hingga 15 Oktober 2020, seramai 694 pemohon dari kalangan individu Bukan Warganegara yang permohonannya diterima di negeri Sarawak telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia di bawah pelbagai Perkara Perlembagaan Persekutuan.